KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

# MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN SPM 2025

# MPP 2

# EKONOMI
## KERTAS 2

Nama : ..........................................................................

Kelas : ..........................................................................

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

**Bahagian A**
[60 markah]
Jawab **semua** soalan

1 (a) Gambar 1 menunjukkan satu faktor pengeluaran.



Gambar 1

Jelaskan faktor pengeluaran tersebut.

[4 *markah*]

(b) Maklumat berikut menerangkan ciri suatu sistem ekonomi.

| |
|---|
| Firma dan individu bebas membuat keputusan namun dikawal oleh pihak kerajaan. |

(i) Tentukan sistem ekonomi tersebut.

[1 *markah*]

(ii) Terangkan dua ciri lain bagi sistem ekonomi tersebut.

[4 *markah*]

(iii) Mengapakah sistem ekonomi di (b) (i) wujud campur tangan kerajaan?

[3 *markah*]

(c) Rajah 1 menunjukkan keluk permintaan suatu barang




Rajah 1

Jelaskan hubungan antara harga barang A dengan kuantiti barang B.

[3 *markah*]

(d) Jadual 1 menunjukkan harga dan kuantiti diminta bagi barang X.

| Harga (RM) | Kuantiti ditawar (unit) |
|---|---|
| 2 | 5 |
| 4 | 7 |
| 6 | 12 |

Jadual 1

(i) Hitung nilai keanjalan harga penawaran apabila harga turun dari RM6 ke RM2.

[2 *markah*]

(ii) Jelaskan nilai keanjalan harga penawaran di (d) (i).

[4 *markah*]

2 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan satu kemudahan bank perdagangan.

| |
|---|
| Encik Amri seorang pemilik pasar raya yang mengalami masalah aliran tunai untuk menambah stok modal. |

Cadangkan satu jenis kemudahan pinjaman yang sesuai untuk perniagaan beliau.

[5 *markah*]

(b) Terangkan faktor yang boleh meningkatkan perbelanjaan pengguna.

[6 *markah*]

(c) Mengapakah pelaburan emas menjadi pilihan rakyat Malaysia.

[3 *markah*]

(d) Jadual 2 berkaitan dengan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

| Mesin (Unit) | Buruh (Orang) | Jumlah Keluaran(TP) (Unit) | Keluaran Purata(AP) (Unit) | Keluaran Marginal (MP) (Unit) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 0 | 0 | - | - |
| 1 | 1 | 20 | 20 | 20 |
| 1 | 2 | 50 | 25 | X |
| 1 | 3 | 120 | 40 | 70 |
| 1 | 4 | 180 | 45 | 60 |
| 1 | 5 | 235 | 47 | 55 |
| 1 | 6 | 275 | 45.8 | 40 |
| 1 | 7 | 275 | 39.3 | 0 |
| 1 | 8 | 260 | 32.5 | -15 |

Jadual 2

(i) Hitungkan nilai X .

[2 *markah*]

(ii) Jelaskan hubungan antara buruh dengan keluaran purata dan keluaran marginal:

(a) 0-3 orang

[2 *markah*]

(b) 4-5 orang

[3 *markah*]

3 (a) Jelaskan konsep hukum pulangan berkurang.

[3 *markah*]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan produk pengeluaran kereta tempatan.

| |
|---|
| Proton e.MAS 7 nama rasmi kenderaan elektrik pertama Malaysia<br>MODEL sulung jenama kenderaan elektrik pertama Malaysia secara rasminya akan dikenali sebagai Proton e.MAS 7, menurut Proton Holdings Bhd.<br>Sumber: *https://www.sinarharian.com.my, 3 Ogos* 2024 |

Jelaskan faedah sosial yang diterima daripada pengeluaran tersebut.

[3 *markah*]

(c) (i) "Perubahan dalam struktur ekonomi menyebabkan penggunaan buruh yang berkurang dan mengakibatkan banyak pengangguran".

Jelaskan jenis pengangguran tersebut.

[3 *markah*]

(ii) Bagaimanakah kerajaan dapat menangani masalah di 3(c)(i) berdasarkan alat dasar kewangan tersebut:

(a) Kadar faedah

[3 *markah*]

(b) Syarat sewa beli

[3 *markah*]

(d) Maklumat berikut berkaitan dengan dua jenis cukai yang dikenakan kepada masyarakat.

| Cukai pendapatan individu | Cukai barang dan perkhidmatan |
|---|---|

Bandingkan kedua-dua jenis cukai tersebut.

[5 *markah*]

## BAHAGIAN B
**[40 markah]**

*Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.*
*Tulis jawapan pada kertas yang disediakan.*

4 Maklumat berikut berkaitan dengan kenaikan harga kelapa segar.

**Kenaikan harga kelapa segar**

Batu Pahat – Isi rumah kini berhadapan dilema untuk mendapatkan bekalan santan segar berikutan harga kelapa yang melambung tinggi di pasaran dan bekalannya berkurangan. Mereka mendakwa kini berdepan dengan kenaikan harga kelapa iaitu rm 6 sebiji.

Bagi memastikan permintaan dalam negara dapat dipenuhi, kerajaan bercadang untuk mengimport kelapa dari negara Indonesia. Hal ini mampu untuk mengatasi krisis bekalan kelapa dalam negara.

*Sumber Ubahsuai: http://www.bharian.com.my; 19 Januari* 2025

(a) (i) Kenal pasti penentu permintaan dalam maklumat berikut [1 *markah*]

(ii) Jelaskan kesan pengurangan bekalan tersebut terhadap firma yang mengeluarkan produk makanan berasaskan santan. [4 *markah*]

(b) Jelaskan kesan tindakan kerajaan terhadap pasaran kelapa tempatan. [6 *markah*]

(c) Setujukah anda dengan tindakan kerajaan mengimport kelapa tersebut? [9 *markah*]

5

Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pinjaman.

**Pinjaman peribadi punca golongan muda muflis**

Putrajaya: Pinjaman peribadi menjadi punca utama kes muflis khasnya membabitkan golongan muda di negara ini dengan 49.11 peratus atau 15,413 kes direkodkan sehingga tahun lalu. Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi (MDI) berkata gaya hidup mewah dan kadar faedah kad kredit yang tinggi antara 15 hingga 18 peratus setahun menyebabkan beban membayar hutang semakin sukar terutama bagi mereka yang baru mendapat pekerjaan.

http://www.bharian.com.my; 19Januari 2025

(a) Jelaskan kelebihan pinjaman tersebut. [5 *markah*]

(b) Mengapakah golongan muda terlibat dengan situasi tersebut? [6 *markah*]

(c) Cadangkan tindakan anda bagi mengatasi masalah tersebut. [9 *markah*]

6 Maklumat berikut berkaitan dengan kenaikan tingkat harga barang dalam pasaran.

**Harga barang diramal naik tahun hadapan - Pakar ekonomi**

**SHAH ALAM -** Kenaikan harga barang dan perkhidmatan berkemungkinan akan berlaku pada tahun hadapan memandangkan beberapa perkara yang diumumkan dalam Belanjawan 2025 memberi kesan kepada pemain industri seperti peluasan skop Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) dan kenaikan kadar gaji minimum kepada RM1,700 sebulan.

*Sumber diubahsuai : www.sinarharian.com.my– 21 Oktober* 2024

(a) Mengapakah situasi sedemikian berlaku? [5 *markah*]

(b) Jelaskan kesan kadar gaji minimun terhadap pasaran barang. [6 *markah*]

(c) Jangkaan berkaitan dengan ramalan ini akan mempengaruhi kehidupan masyarakat.

Bincangkan [9 *markah*]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan hasil baharu negeri Terengganu.

**Sumber Air Sumbang RM25 Juta Kepada Hasil Baharu Terengganu**

KUALA TERENGGANU, 6 April - Agensi di bawah kerajaan negeri, Lembaga Sumber Air Terengganu (LAUT) berjaya menjana lebih RM25 juta hasil baharu buat negeri Terengganu iaitu sebahagian besar penguatkuasaan perlesenan untuk pengabstrakan air setelah hampir lima tahun penubuhan LAUT.

Untuk rekod, LAUT merupakan sebuah agensi bertanggungjawab memelihara dan memulihara sumber air, lembangan sungai, perairan pantai dan alam sekitarnya.

Selain perlesenan untuk pengabstrakan air, perkhidmatan tersenarai di bawah bidang kuasa LAUT merupakan aktiviti penggubahan sumber dan menjaga kelestarian kuantiti dan kualiti air.

*Ubah suai sumber : www.trdi.my– 6 April* 2025

(a) (i) Nyatakan hasil cukai yang terlibat. [1 *markah*]

(ii) (ii) Jelaskan hasil kerajaan di 7 (a) (i). [3 *markah*]

(b) Setujukah anda hasil cukai baharu ini akan memberi impak positif kepada ekonomi negeri?

Kemukakan alasan. [9 *markah*]

(c) Sumbangan agensi tersebut dapat memberi manfaat kepada masyarakat.
Bincangkan . [7 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**JAWAPAN BAHAGIAN B**